

12/11/1999

Pembangkang terbukti berbohong

Siti Nurzahan

MENGIKUT Manifesto Pembangkang, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak boleh lagi menjadi Menteri Besar Kelantan seandainya Pas menang lagi di negeri itu.

Ini kerana manifesto pembangkang terus terang mengatakan yang mereka akan mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan Menteri Besar kepada dua penggal saja. Nik Aziz sudah pun cukup dua penggal memegang jawatan itu.

Jika Nik Aziz terus menjadi Menteri Besar, bermakna terbuhtilah pihak pembangkang hanya bercakap kosong. Cakap tidak serupa bikin. Dan inilah barisan yang akan dipilih mengambil alih negara kita kelak?

Cuba lihat hal lain yang tercatat di dalam manifesto itu. Ada ayat yang mengatakan "Perbuatan memfitnah musuh-musuh politik telah menjadi amalan yang biasa di kalangan golongan pemerintah negara ini".

Ini bermakna mereka berjanji jika mereka menjadi pemerintah, mereka tidak akan sekali-kali mengamalkan perbuatan fitnah-memfitnah dan menyebarkan berita palsu.

Sebelum kita percaya kepada mereka, lihatlah apa yang telah berlaku sejak kebelakangan ini. Negara kita yang aman damai dicemari oleh segala khabar angin yang karut belaka.

Pihak pembangkanglah yang menyebarnya di dalam internet dan melalui akhbar yang mereka terbitkan.

Tidak usahlah kita menyebut semuanya. Memadailah melihat beberapa contoh saja.

\* Sejurus selepas penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim mereka menyebarkan berita di dalam internet bahawa bom-bom akan meletup di beberapa tempat di Kuala Lumpur kalau Anwar tidak dibebaskan.

\* Mereka mengeruhkan suasana dengan mengatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak akan meletak jawatan sebagai bantahan terhadap penahanan Anwar.

\* Di dalam ceramah-ceramah politik, mereka mengatakan bahawa ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengerjakan haji di Makkah pada awal tahun ini, beliau tidak wukuf di Arafah dan hajinya tidak lengkap.

Adakah mereka itu golongan yang terlalu istimewa hingga boleh menentukan sama ada ibadat seseorang sempurna ataupun tidak atau diterima oleh Allah S.W.T ataupun tidak.

Sekarang kita tahu bahawa semuanya fitnah dan palsu belaka. Pembangkang hanya bercakap bohong. Adakah orang seperti ini layak mendapat kepercayaan kita?

Ingatlah bahawa Barisan Nasional (BN) sudah memerintah dan membangunkan negara ini sejak masih diseliputi hutan rimba.

Ketika itu bahaya komunis masih mencengkam. Kemiskinan masih membelenggu. Kini negara ini bertukar wajah. Kalau negara kita aman damai maka kedamaian itu bukanlah datang dengan sendirinya.

Kalau negara kita makmur, maka kemakmuran itu bukan dicurahkan dari langit tanpa usaha sesiapa. Segalanya tidak berlaku dengan sendiri. Segalanya dicapai hasil daripada usaha gigih dan kebijaksanaan orang yang memerintah.

Empat dekad lalu negara ini ibarat bayi yang baru lahir. Pelbagai penyakit mengancam nyawa manusia. Bayi itu miskin dan tidak cukup makan.

Kerajaan BN adalah umpama orang yang mengasuhnya, merawatnya dengan

rapi.

Hari ini bayi berkenaan sudah sembuh, dewasa dan perkasa. Kalau hari ini parti lain yang mengambil alih, mereka boleh dikatakan ibarat mengambil anak yang sudah besar panjang.

Adakah adil namanya, orang lain yang bersusah payah, tiba-tiba diserahkan pula kepada orang lain pula. Fikirlah sendiri.

Tidak lama lagi kita akan mengundi. Gunakan kebijaksanaan kita. Ingatlah mengundi bukan seperti bermain judi. Adakah kita mahu menyerahkan nasib kita dan nasib anak cucu kita ke tangan orang yang pandai membuat cerita-cerita karut?